

**INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)**www.gaexcellence.com/ijmoe**KEISTIMEWAAN KURIKULUM SEKOLAH AGAMA
RAKYAT (SAR) DAN SEKOLAH CINA (SC) DALAM
MENGEKALKAN IDENTITI UTAMA SEKOLAH***THE DISTINCTIVE FEATURES OF THE CURRICULUM OF SEKOLAH
AGAMA RAKYAT (SAR) AND SEKOLAH CINA (SC) IN PRESERVING THE
SCHOOLS' MAIN IDENTITY*Nik Norazira Abdul Aziz¹, Nor Azlili Hassan², Mohd Syuja Saedin³, Norazilah Buhari⁴¹Department of Games, Universiti Tunku Abdul Rahman, Malaysia niknorazira@utar.edu.my<https://orcid.org/0000-0003-0065-2159>²Department of General Studies, Universiti Tunku Abdul Rahman, Malaysia azlili@utar.edu.my<https://orcid.org/0000-0003-4296-5145>³Department of General Studies, Universiti Tunku Abdul Rahman, Malaysia syuja@utar.edu.my<https://orcid.org/0000-0002-9021-2087>⁴Department of General Studies, Universiti Tunku Abdul Rahman, Malaysia norazilah@utar.edu.my<https://orcid.org/0000-0003-1132-7255>

*Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 30.06.2026

Revised date: 12.08.2026

Accepted date: 30.08.2026

Published date: 10.09.2026

Abstrak:

Kurikulum Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Cina (SC) mempunyai keunikan identiti agama dan etnik yang tersendiri dalam landskap pendidikan di Malaysia. Walaupun menghadapi pelbagai cabaran, kedua-dua kurikulum ini menyumbang kepada pendidikan negara dan membuktikan bahawa kepelbagaian institusi boleh wujud bersama dalam satu sistem pendidikan kebangsaan yang kohesif. Kajian akademik yang meneliti secara komprehensif peranan dan interaksi kedua-dua kurikulum dalam kerangka pendidikan kebangsaan masih terhad, sekali gus menimbulkan keperluan untuk penyelidikan lanjut bagi mengisi jurang tersebut. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis keistimewaan kurikulum Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Cina (SC) serta peranannya dalam mengekalkan identiti utama sekolah dalam landskap pendidikan Malaysia yang majmuk. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui temu bual bersama tujuh (7) informan terpilih. Hasil dapatan menunjukkan bahawa kurikulum SAR dan SC berperanan besar dalam mengekalkan identiti sekolah melalui

To cite this document:

Aziz, N. N. A., Hassan, N. A., Saedin, M. S., & Buhari, N. (2026). Keistimewaan Kurikulum Sekolah Agama Rakyat (SAR) Dan Sekolah Cina (SC) Dalam Mengekalkan Identiti Utama Sekolah. *International Journal of Modern Education*, 8(31), 263-281.

DOI: 10.35631/IJMOE.831016

agama, bahasa, budaya dan sosial. SAR menekankan kepada pembentukan sahsiah berteraskan nilai Islam, penguasaan bahasa Arab, serta amalan rutin seperti hafazan, tilawah, zikir dan penggunaan kitab turath. Pendekatan inklusif yang menerima pelajar tanpa mengira tahap akademik menjadikan SAR sebagai penggerak pendidikan komuniti. SC pula mengekalkan identiti budaya melalui penggunaan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar dan meningkatkan kebolehpasaran pelajar dalam konteks global. Sokongan komuniti melalui budaya pendermaan menyumbang kepada kelestarian SC, manakala penekanan terhadap disiplin, etika kerja dan keterbukaan kepada pelajar pelbagai kaum memupuk toleransi serta menarik minat pelajar bukan Cina. Kedua-dua SAR dan SC turut menyediakan laluan pensijilan lanjutan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian yang lebih tinggi di dalam atau luar negara. Secara keseluruhannya, kajian ini merumuskan bahawa kepelbagaian kurikulum SAR dan SC bukan sahaja memperkayakan modal budaya negara, malah membuktikan bahawa institusi berasaskan identiti boleh wujud bersama dalam sistem pendidikan kebangsaan yang kohesif.

Kata Kunci:

Kurikulum, Identiti Sekolah, Pendidikan Malaysia, Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Cina

Abstract:

The curricula of Sekolah Agama Rakyat (SAR) and Chinese Schools (SC) possess distinctive religious and ethnic identities within Malaysia's educational landscape. Despite facing various challenges, both curricula contribute to the nation's educational diversity and demonstrate that diverse educational institutions can coexist within a cohesive national education system. Academic studies that comprehensively examine the roles and interactions of both curricula within the framework of the national education system remain limited, thereby creating the need for further research to address this gap. This study aims to analyse the distinctive features of the curricula of Sekolah Agama Rakyat (SAR) and Sekolah Cina (SC), as well as their role in preserving the schools' core identities within Malaysia's plural educational environment. A qualitative research approach was employed through interviews with seven (7) selected informants. The findings indicate that the curricula of SAR and SC play a significant role in maintaining school identity through religion, language, culture, and social values. SAR emphasises character development based on Islamic values, Arabic language proficiency, and routine religious practices such as Qur'anic memorisation (hafazan), recitation (tilawah), remembrance of God (zikir), and the use of classical Islamic texts (kitab turath). Its inclusive approach, which accepts students regardless of academic achievement, positions SAR as a medium for social mobility and community-based education. Meanwhile, SC preserves its cultural identity through the use of Mandarin as the medium of instruction and enhances students' employability in a global context. Community support through a culture of philanthropy contributes to the sustainability of SC, while the emphasis on discipline, work ethics, and openness to students from diverse ethnic backgrounds fosters tolerance and attracts non-Chinese students. Both SAR and SC also provide pathways to advanced certifications, enabling students to pursue higher education locally and internationally. Overall, this study concludes that the curricular diversity of SAR and SC not only enriches the nation's

cultural capital but also demonstrates that identity-based educational institutions can coexist within a cohesive national education system.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijmoe@gaexcellence.com

Keyword:

Curriculum, Malaysian Education, School Identity, Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Cina

Pengenalan

Sistem pendidikan Malaysia terkenal dengan kepelbagaian institusinya yang mencerminkan komposisi masyarakat majmuk negara. Di tengah-tengah landskap pendidikan kebangsaan yang kompleks ini, terdapat dua jenis institusi pendidikan yang menonjol dengan keunikan tersendiri: Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Cina (SC). Kedua-dua sistem persekolahan ini bukan sahaja mewakili warisan sejarah yang berbeza, tetapi juga menawarkan pendekatan kurikulum yang tersendiri dalam membentuk identiti pelajar Malaysia. Kehadiran SAR dan SC dalam sistem pendidikan negara menggambarkan penerimaan masyarakat terhadap pendidikan berasaskan agama dan bahasa ibunda.

SAR bermula sebagai inisiatif komuniti agama Islam tempatan yang bertujuan menyediakan pendidikan agama kepada anak-anak Islam di luar sistem persekolahan formal. Pada peringkat awal, SAR dikendalikan sepenuhnya oleh masyarakat setempat dengan sumber dan pengurusan yang terhad. Namun, seiring dengan perkembangan sistem pendidikan negara, SAR mengalami transformasi institusi yang signifikan melalui penglibatan kerajaan negeri dan pusat dalam aspek pengurusan, pembiayaan, dan penyelarasan kurikulum (Mohd Hairudin & Kamarul, 2012). Peralihan ini memuncak dengan pengiktirafan beberapa SAR sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), yang menandakan pengintegrasian pendidikan agama komuniti ke dalam arus perdana sistem pendidikan kebangsaan (Azizi & Supyan, 2015). Perjalanan sejarah SAR ini mencerminkan dinamika antara autonomi komuniti dan campur tangan negara dalam pendidikan agama, serta usaha berterusan untuk memartabatkan pendidikan Islam dalam konteks Malaysia moden.

Sebaliknya, SC mempunyai akar sejarah yang lebih panjang, bermula sejak abad ke-19 dengan kemasukan imigran Cina ke Tanah Melayu. Sistem persekolahan Cina berkembang sebagai jaringan pendidikan vernakular yang dibangunkan dan dikekalkan oleh komuniti Cina untuk memelihara bahasa, budaya, dan identiti etnik mereka (See, 2013). Peranan pertubuhan masyarakat seperti Dong Jiao Zong dalam mempertahankan kesinambungan SC menunjukkan komitmen komuniti yang kukuh terhadap pendidikan bahasa ibunda. Sepanjang sejarahnya, SC telah melalui pelbagai gelombang perubahan dasar pendidikan, terutamanya dari tahun 1950-an hingga 1990-an, termasuk pelaksanaan tiga kemahiran asas literasi iaitu sistem kemahiran membaca, menulis dan mengira (Sistem 3M) yang mengubah objektif dan kandungan pengajaran bahasa di sekolah-sekolah ini (Wong, 2025). Walaupun menghadapi cabaran dasar dan tekanan asimilasi, SC terus bertahan sebagai institusi pendidikan vernakular utama bagi masyarakat Cina Malaysia, membuktikan ketahanan sistem pendidikan berasaskan komuniti dalam menghadapi perubahan politik dan sosial.

Keunikan SAR dan SC terletak pada pendekatan kurikulum mereka yang berbeza secara fundamental. Kurikulum SAR menumpukan kepada pengajian agama Islam dan pembangunan sahsiah sebagai komponen teras, dengan beberapa SAR menerapkan Kurikulum Diniyah di peringkat negeri yang menekankan pendidikan agama dan pembentukan watak pelajar (Chin & Nur Atiqah, 2023). Pendekatan ini menjadikan SAR sebagai institusi yang menyediakan laluan pendidikan berasaskan agama yang tersendiri, melengkapi sistem pendidikan kebangsaan dengan dimensi spiritual dan moral yang mendalam. Sementara itu, kurikulum SC meletakkan pengajaran bahasa Cina sebagai teras dan fungsi utamanya, bertujuan memelihara bahasa serta identiti budaya Cina dalam kalangan pelajar (Wong, 2025). Model kurikulum SC beroperasi dalam persekitaran trilingual yang unik, di mana bahasa Mandarin bergabung dengan pengajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Pengalaman pendidikan berbahasa ini menghasilkan bentuk modal budaya dan identiti yang berlainan dalam kalangan pelajar Cina bergantung kepada medium pengajaran yang dialami (Allan, 2011). Dengan demikian, SC bukan sekadar institusi pendidikan bahasa, tetapi juga medan pembentukan identiti etnik dan pemeliharaan warisan budaya.

Selain itu, kurikulum SAR dan SC juga menyediakan sijil lanjutan kepada pelajar untuk menghubungkan pendidikan mereka dengan laluan pendidikan di peringkat yang lebih tinggi seperti universiti tempatan atau luar negeri. Pensijilan lanjutan seperti Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) bagi SAR dan Unified Examination Certificate (UEC) atau dikenali Sijil Peperiksaan Bersama bagi SC memainkan peranan penting dalam memperkukuh identiti utama kedua-dua institusi tersebut. Dalam konteks SAR, STAM berfungsi sebagai kesinambungan rasmi kepada kurikulum agama yang menjadi teras pendidikan sekolah, sekali gus mengesahkan kedudukan ilmu Diniyah sebagai ciri keistimewaan utama SAR. Sijil STAM diselaraskan sebagai satu-satunya sijil tinggi sekolah agama yang diiktiraf kerajaan mulai tahun 2000 dan pemegangnya layak memohon ke universiti awam serta universiti di Timur Tengah (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2021). Melalui STAM, pelajar bukan sahaja menerima pengiktirafan terhadap penguasaan ilmu agama pada peringkat lebih tinggi, tetapi juga dipandu ke arah laluan akademik yang selaras dengan matlamat asal penubuhan SAR, iaitu melahirkan generasi yang mendalami pendidikan Islam secara lebih sistematik (Mohd Hairudin & Kamarul, 2012). Sementara itu, bagi SC, UEC ialah sijil peperiksaan bagi sekolah menengah persendirian Cina yang dibangunkan untuk menyatukan penilaian peringkat menengah atas, selaras dengan sistem pendidikan sekolah Cina. Ia berperanan sebagai mekanisme pensijilan yang mengekalkan autonomi kurikulum, bahasa pengantar, dan tradisi pendidikan komuniti Cina. Sijil ini membolehkan sekolah terus mempertahankan keunikan pedagogi dan orientasi budaya mereka walaupun beroperasi dalam persekitaran pendidikan nasional yang lebih luas (Dong Zong, 2019). Oleh itu, kedua-dua pensijilan ini bukan sekadar instrumen penilaian akademik, tetapi juga simbol kelangsungan identiti institusi, kerana ia mengabsahkan kurikulum khas yang menjadi asas kekuatan dan keistimewaan SAR serta SC.

Kepentingan kurikulum SAR dan SC dalam corak pendidikan Malaysia tidak boleh dipandang ringan. Kedua-dua sistem ini menyumbang kepada kepelbagaian pendidikan negara dengan menyediakan laluan berasaskan identiti agama dan etnik yang berbeza, sambil menuntut penyelarasan dasar dan sokongan sumber untuk memastikan kualiti dan kesinambungan pendidikan. SAR menyediakan laluan pendidikan berasaskan agama, memelihara pendidikan Islam komuniti, dan memperkayakan identiti pendidikan melalui pengamalan dan penghayatan beragama dalam kehidupan (Chin & Nur Atiqah, 2023, Azizi & Supyan, 2015). SC pula memelihara bahasa ibunda dan warisan budaya, menyokong kepelbagaian linguistik dan modal budaya dalam sistem pendidikan kebangsaan (See, 2013, Allan, 2011). Kehadiran kedua-dua

sistem ini membuktikan bahawa kepelbagaian institusi boleh wujud bersama dalam satu sistem pendidikan kebangsaan yang kohesif.

Kedua-dua jenis sekolah ini mempunyai keistimewaan kurikulum tersendiri yang menggabungkan mata pelajaran akademik dengan nilai agama, bahasa dan budaya. Namun, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan kajian sedia ada lebih menumpukan kepada aspek pentadbiran, pembiayaan dan isu pengiktirafan yang dihadapi oleh SAR dan SC. Kajian yang mengkaji secara khusus dan komparatif tentang keistimewaan kurikulum kedua-dua institusi ini terhadap pembentukan jati diri pelajar masih terhad. Tambahan pula, perbincangan akademik tentang bagaimana kurikulum SAR dan SC boleh menyumbang kepada aspirasi Dasar Pendidikan Kebangsaan dalam memupuk perpaduan dan modal insan masih memerlukan penyelidikan bagi mengisi jurang tersebut.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis keistimewaan kurikulum SAR dan SC dalam konteks pendidikan Malaysia. Kajian ini akan meneliti latar belakang sejarah kedua-dua jenis sekolah, menganalisis keistimewaan kurikulum mereka, menilai sumbangan dan cabaran yang dihadapi oleh kedua-dua institusi ini dalam landskap pendidikan kebangsaan.

Sorotan Literatur

Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Cina (SC) antara institusi pendidikan yang berkembang pesat dengan keunikan identiti dan acuan tersendiri bagi memenuhi matlamat dan objektif kewujudan SAR dan SC. Kedua-dua sekolah ini menjadi laluan pendidikan berasaskan identiti agama dan etnik yang berbeza dan unik dalam sistem pendidikan di negara ini. Meskipun berdepan dengan transformasi dan anjakan pendidikan semasa, kelangsungan SAR dan SC terus bertahan tanpa mengetepikan identiti utama sekolah selaras dengan wadah Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pelbagai sorotan kajian telah dijalankan sebelum ini bagi menonjolkan signifikan dan keunikan kedua-dua buah sekolah ini sebagai sebahagian daripada landskap kepelbagaian pendidikan di Malaysia.

Pendidikan SAR mula berkembang pada hujung abad ke-19 Masihi, dengan kurikulum yang menekankan pelajaran agama sebagai teras utama yang bermatlamat untuk membentuk keperibadian Muslim yang sempurna (Ahmad Zulfiqar & Fathiyah, 2021). Selain itu, SAR turut berperanan penting dalam mengekalkan identiti Islam dan budaya Melayu dengan menggabungkan ilmu agama dan akademik bagi membentuk individu yang seimbang dari segi rohani dan jasmani. Pemantapan agama dan budaya diterapkan dalam mata pelajaran agama seperti Al-Quran, Hadis, Tauhid serta lain-lain subjek agama yang diajar dengan lebih mendalam disamping mengintegrasikan nilai-nilai Islam dalam subjek akademik seperti Matematik, Sains, bahasa dan lain-lain mata pelajaran bagi melahirkan pelajar yang seimbang dari segi sahsiah, peribadi dan akademik secara holistik. Pendidikan holistik ini bertujuan untuk membentuk individu yang seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan sosial untuk membolehkan pelajar mengaplikasikan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian mereka (Nor Azlili et al., 2025). Pelaksanaan pengajaran di SAR juga beradaptasi dengan sistem pembelajaran arus perdana dalam PdP yang menekankan pembelajaran berpusatkan pelajar dalam pembelajaran aktif sama ada di dalam ataupun di luar bilik darjah tanpa mengetepikan pengajaran secara bertalaqqi (Norazilah et al., 2026). Hal ini menjadikan keupayaan SAR berfungsi sebagai salah satu institusi pendidikan yang melengkapi sistem pendidikan kebangsaan dengan menekankan pengajaran ilmu-ilmu agama, akhlak dan budaya, di samping berperanan dalam pembentukan generasi muda yang beriman dan berilmu (Mohd Nor, 2020).

Manakala bagi SC pula, sejarah pendidikan Cina mula terbentuk bermula daripada kedatangan imigran Cina ke Tanah Melayu sejak abad ke-19. Kurikulum SC pada awalnya berkiblatkan etos Tanah Besar China dengan tujuan melahirkan pelajarnya yang terdidik dengan bahasa ibunda yang dapat mengekalkan identiti dan warisan kebudayaan Cina. Namun, kurikulum SC tersebut turut mengalami perubahan mengikut faktor dan konteks semasa di negara ini yang menekankan integrasi pendidikan nasional (Chin & Nur Atiqah, 2023). Pada peringkat awal, sistem pelajarannya tidak seragam kerana menggunakan bahasa pengantar mengikut dialek masing-masing yang dibawa dari negeri China serta kaedah dan metodologi pengajaran dan pembelajaran yang bersifat klasik (Khairi Ariffin et al., 2014). Bagi membentuk keseragaman, kewujudan SC dijemakan dalam bentuk sekolah rendah vernakular Cina SJK(C) dan sekolah menengah persendirian Cina (SMPC) dengan menawarkan pendidikan dalam bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar dan mempunyai kurikulumnya tersendiri supaya pelajarnya terdidik untuk mengekalkan identiti etnik Cina dan mewarisi kebudayaan Cina. Kewujudan SC ini bermatlamat sebagai kubu pertahanan pemantapan budaya Cina seperti bahasa, budaya, identiti dan hak pendidikan melalui sistem pendidikan (Chin & Nur Atiqah, 2023). Bersandarkan matlamat kurikulumnya, pemantapan budaya dapat dipertahankan dan diperkembangkan dalam kalangan generasi etnik Cina menerusi pendidikan.

Kurikulum pendidikan di SAR dan SC masing-masing mengekalkan bahasa pengantar utamanya dalam sistem pembelajaran. Dari segi pendekatan kurikulum, SAR menggunakan kurikulum agama yang digubal sendiri mengikut ahli lembaga sekolah dan kuasa individu berteraskan kurikulum *Azhari* yang menjadi teras identiti utama sekolah tersebut (Azizi & Supyan, 2015). Kurikulum *Azhari* terdiri daripada tiga komponen iaitu pengajian Islam, mata pelajaran bahasa dan kesusasteraan Arab yang menekankan mata pelajaran agama dan penggunaan bahasa Arab dengan tujuan untuk memahami agama Islam. Falsafah kurikulum SAR tidak hanya tertumpu kepada akademik bahkan aspek pembangunan dan sahsiah diri turut ditekankan. Seiring dengan perkembangan pendidikan semasa dan sambutan SAR yang memberangsangkan, kurikulum *Azhari* masih dikekalkan di SAR namun ditambahbaik dengan menerapkan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) yang mengandungi lima bidang utama iaitu Usuluddin, Syariah, Kesusasteraan Arab, pengajian bahasa dan pengajian Islam dengan menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar (Kamarulzaman, 2020). Pengekalan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) di SAR menjadi satu keistimewaan dan sebagai identiti utama SAR itu sendiri. Hal ini membolehkan para pelajarnya memperkasakan dan menguasai bahasa Arab selain daripada bahasa kebangsaan seperti mana yang termaktub dalam sistem pendidikan di negara ini. Penggabungan pendidikan agama dan akademik ini membolehkan para pelajar SAR juga menduduki peperiksaan awam seperti Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), seterusnya melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Hal ini menjadi kelebihan dan keistimewaan SAR dari sudut keseimbangan ilmu agama berbanding sistem aliran perdana. Pendekatan ini turut menjadi strategi dan pilihan ibu bapa sebagai faktor utama pemilihan SAR terhadap pendidikan anak-anak (Faridah Salleh et al., 2023).

Manakala SC pula menonjolkan keunikan sistem kurikulum yang berbeza daripada sistem pendidikan aliran perdana setelah Akta Pelajaran 1961 dikuatkuasakan (Chin & Nur Atiqah, 2023). SC ini mengekalkan status quonya dengan mewujudkan sistem kurikulum dan sistem pendidikan yang tersendiri melalui penjenamaan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) yang berautonomi. Daya tarikan SMPC adalah dengan menggunakan bahasa Mandarin sebagai medium pengantar utama dalam proses PdP dan bahasa ibunda ini menjadi

alat penyebaran kebudayaan etnik Cina. Pendidikan di SMPC dijadikan sebagai titik kesinambungan pendidikan bahasa ibunda dari sekolah rendah vernakular Cina dengan menekankan tradisi kecemerlangan mata pelajaran Sains dan Matematik menerusi bahasa ibunda tersebut. Namun demikian, SMPC tidak mengabaikan mata pelajaran bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris yang diberi penekanan sama rata (Chin & Nur Atiqah, 2023). Pencapaian cemerlang pelajar dalam akademik ini meningkatkan nilai sijil UEC dalam kalangan lepasan SMPC. UEC ini dianjurkan dan ditadbir oleh Dong Jiao Zong sejak tahun 1975 yang berperanan menetapkan sukatan pelajaran, menyediakan peperiksaan dan menentukan piawaian penilaian dengan menjadikan bahasa ibunda sebagai medium utama dalam peperiksaan. Sijil UEC dikatakan diiktiraf oleh institusi pengajian terkemuka sama ada di dalam ataupun luar negara (Dong Zong, 2019). Sungguhpun begitu, timbul perdebatan hangat dalam golongan aktivis pendidikan berkaitan pengiktirafan UEC yang dilihat bertentangan dengan keseragaman sistem pendidikan, dasar integrasi nasional, Dasar Bahasa Kebangsaan dan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan di negara ini. Justeru itu, kewujudan SMPC dilihat sebagai kubu pertahanan budaya Cina yang mencerminkan etnik Cina menginginkan pendidikan bahasa ibunda yang lengkap dan berautonomi bukan sekadar sebagai alat komunikasi tetapi pengekal identiti budaya (Wong & Lee, 2020). Kubu pertahanan budaya ini menggalas tanggungjawab dalam mempertahankan dan mengekalkan autonomi bahasa, kelangsungan budaya, identiti serta kebebasan hak pendidikan. Hal ini membolehkan para pelajar mengetahui asal usul dan menghargai warisan etnik disamping melahirkan modal insan berkualiti tinggi selaras dengan proses modenisasi.

SAR dan SC ini menjadi laluan pendidikan berasaskan identiti agama dan etnik yang berbeza serta unik dalam sistem pendidikan di negara ini. Bagi memastikan kelangsungan SAR dan SC terus berkembang, kedua-dua sekolah ini mendapat sokongan komuniti dan masyarakat bagi memastikan matlamat, objektif dan akses pendidikan tercapai. Di SAR, akses pendidikannya terbuka dan memberi ruang dan peluang kepada semua lapisan pelajar tanpa mengira latar belakang dan tahap kecemerlangan pencapaian pelajar. SAR juga memfokuskan kepada pembangunan sahsiah dalam membentuk pelajar yang berakhlak mulia, berdisiplin dan peribadi yang baik. Hal ini amat ditekankan sebagai asas melahirkan pelajar yang holistik dan masyarakat yang harmoni (Nor Azlili et al., 2025). Pendekatan ini menjadikan SAR bukan sekadar instrumen meningkatkan pengetahuan, malahan turut menjadi pemangkin utama kepada mobiliti sosial dan ekonomi (Sakinatul Raadiyah et al., 2025). Daya tarikan ini memperlihatkan fungsi SAR sebagai wahana pendidikan agama yang berasaskan kepada komuniti. Hal ini turut didorong oleh faktor sumber kewangan SAR yang dibiayai oleh hasil sokongan rakyat, yuran pelajar yang sangat minimum dan perolehan dana zakat daripada MAIN (Nor Azlili et al., 2025) yang memberi akses penyertaan terbuka kepada masyarakat bagi mendapatkan pendidikan agama yang lebih mendalam di SAR.

Sebaliknya di SC, keterpisahan SC daripada sistem kebangsaan telah mendorong sokongan komuniti Cina berperanan aktif dalam menyumbang dana bagi membantu pembangunan dan kelangsungan operasi sekolah. Sokongan dana yang kuat dari komuniti masyarakat dan sumber prasarana yang lengkap serta moden membolehkan SC terus berlangsung sehingga kini. Oleh sebab itu, wujudnya satu badan pertubuhan yang dikenali sebagai Dong Jiao Zong, berperanan dalam mempertahankan pendidikan SC untuk mengekalkan bahasa ibunda, warisan budaya dan identiti etnik Cina bagi menyebarkan kebudayaan Cina dapat diwarisi kepada generasi ke generasi. Peranan pertubuhan ini cukup signifikan dalam usaha mempertahankan survival pendidikan Cina di Malaysia (Tan, 2014; Chin & Nur Atiqah, 2023). Dari sudut akses pendidikan, SC menerima penyertaan masuk secara terbuka kepada etnik bukan Cina yang

menunjukkan bahawa sistem pendidikan di SC bersifat inklusif. Penyertaan daripada etnik bukan Cina ini didorong oleh pelbagai faktor fizikal seperti kelebihan menguasai bahasa Mandarin, disiplin yang ketat, guru bagaikan tutor peribadi dan fokus akademik yang mantap untuk masa depan (Tan et al., 2017). Faktor penarik ini menjadi pilihan kepada ibu bapa etnik bukan Cina menghantar anak-anak ke SC bagi bersaing dengan dunia globalisasi masa kini. Selain pendidikan holistik, penekanan SC juga memupuk disiplin yang tinggi dan karakter keberdikarian dalam kalangan pelajar-pelajarnya melalui aktiviti kokurikulum dan budaya sekolah (Dong Zong, 2019). Pendekatan berorientasikan pembentukan sahsiah diri ini menjadi identiti utama kepada kurikulum SC.

Pelbagai cabaran semasa yang dihadapi oleh SAR dan SC dalam landskap pendidikan semasa bagi mengekalkan identiti kurikulum utama mereka. Kelangsungan SAR dan SC yang berterusan kini memperlihatkan keistimewaan yang tersendiri tentang sekolah-sekolah tersebut. Justeru, kajian ini dijalankan untuk menjelaskan keistimewaan SAR dan SC dalam mengekalkan identiti kurikulum utama sekolah dalam arus pendidikan masa kini.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan tematik yang mana ianya melibatkan temu bual dengan tujuh orang informan daripada dua kumpulan sasaran. Pemilihan informan adalah penting bagi memastikan hasil dapatan memenuhi objektif kajian untuk menjelaskan keistimewaan kurikulum SAR dan SC dalam mengekalkan identiti utama sekolah. Kaedah penyelidikan bertujuan digunakan bagi memastikan pemilihan jumlah sampel yang tepat bagi menjaga kebolehpercayaan terhadap hasil kajian (Friday & Leah, 2024).

Kesemua informan dipilih berdasarkan kepada empat (4) kriteria berikut:

- i. Tahap pendidikan sekurang-kurangnya peringkat diploma.
- ii. Mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun dalam pengelolalan sekolah.
- iii. Masih bergiat aktif dalam persatuan atau gerakan sosial pendidikan.
- iv. Memegang jawatan dalam persatuan dari sudut kedudukan pangkat, kelayakan dan autoriti.

Tujuh orang informan mewakili SAR dan SC telah dipilih bagi proses temu bual yang dilakukan pada 14 Januari 2024. Kesemua informan telah berkhidmat selama 10 tahun dan ke atas dalam urusan pengelolaan sekolah dan juga merupakan aktivitis sosial dalam bidang pendidikan. Pemilihan informan adalah berdasarkan kepada pengalaman yang luas, jawatan tinggi yang disandang dan keaktifan mereka dalam persatuan lembaga pengelolaan sekolah atau gerakan sosial pendidikan yang mereka anggotai. Setiap persatuan lembaga pengelolaan sekolah atau gerakan sosial pendidikan tersebut merupakan penaung yang bertanggungjawab terhadap pembangunan dan kurikulum sekolah. Ini bermakna setiap informan yang dipilih juga mempunyai autoriti dan kuasa dalam memberikan pandangan dan membuat keputusan berkaitan urusan pengelolaan sekolah. Penjelasan data demografik semua informan adalah ditunjukkan di dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Data Demografik Informan

No.	Informan	Tahap pengajian tertinggi	Bidang pengajian	Pengalaman dalam pengajaran (tahun)	Pengalaman dalam pengelolaan sekolah (tahun)
1.	Informan 1	Diploma	Pentadbiran Perniagaan	Melebihi 15	11 – 15
2.	Informan 2	Sarjana	B. Arab - Al-Azhar P. Islam (Ma) - OUM	Melebihi 15	6 -10
3.	Informan 3	Sarjana Muda	Ekonomi - UUM	Tiada	Melebihi 15
4.	Informan 4	Sarjana	Syariah Islamiyyah – Al-Azhar Science (Ma) - UUM	6 - 10	11 -15
5.	Informan 5	Sarjana Muda	Pentadbiran Pendidikan - OUM	Melebihi 15	Melebihi 15
6.	Informan 6	Sarjana Muda	Pengajian Islam – Syria	Melebihi 15	Melebihi 15
7.	Informan 7	Diploma	Pendidikan Bahasa Cina	Melebihi 15	11 - 15

Hasil temu bual ditranskripsi dan dianalisa secara tematik dengan mengelaskan data-data tersebut mengikut tema yang telah ditetapkan. Proses pembinaan tema dapatan kajian dilakukan dengan meletakkan kod (coding) yang dikhususkan untuk sesuatu tema tersebut berserta dengan definisi operasional bagi membantu pengkaji merujuk keterangan tema berpandukan kod yang telah diberikan. Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian ini melibatkan pengesahan soalan temu bual dan tema yang dibina oleh pakar bidang. Rakaman yang dijalankan dalam sesi temu bual adalah rakaman suara. Rakaman suara bagi setiap informan kemudiannya ditranskrip oleh pengkaji dengan kadar segera supaya semua teks transkrip dapat diserahkan kepada informan yang terlibat untuk mereka membaca kembali segala isi perbualan dan keterangan daripada maksud perbualan. Para informan dibenarkan untuk membetulkan fakta yang tersilap seterusnya menandatangani teks transkrip. Pembetulan fakta, pengakuan dan pengesahan informan terhadap data temu bual ini menjadikan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap data dapat ditingkatkan.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Pemantapan Agama dan Budaya

Dapatan kajian menunjukkan bahawa keistimewaan kurikulum dalam SAR adalah signifikan dalam mengekalkan identiti keagamaan sekolah melalui penekanan terhadap pembentukan sahsiah pelajar. Matlamat utama pendidikan di SAR didapati bukan hanya tertumpu kepada

pencapaian akademik, tetapi lebih kepada pembinaan akhlak dan nilai agama sebagaimana dinyatakan oleh informan berikut:

“Kebanyakan sek2 menengah di kedah semua dah memenuhi dan melahirkan ramai graduan berjaya bagi penilaian sekolah masing2. Cth; ada pelajar yg cemerlang, kerja etc tp bilangan xramai. Tp matlamat utama SAR di Kedah pembentukan sahsiah. Jadi apabila kita boleh melahirkan seorg pelajar yg menjadi org, so itu sudah berjaya. Kita telah menyelamatkan ramai anak2 kita menjadi org. Menilai pelajar utk ke azhar, so itu juga pencapaian. Bila abih spm, abih stam dan sambung ngaji, juga pencapaian.”
(Informan 1)

“Matlamat Pendidikan sekolah agama ni secara umumnya adalah untuk menghasilkan pelajar-pelajar yang seimbanglah dari sudut sahsiah, peribadi dengan apa dengan akademik. Secara umumlah. Sebenarnya setiap sekolah ni dia ada misi dan visi lain tapi lebih kurang samalah untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dua-dua, duniawi dan juga ukhrawi.”
(Informan 2)

Ini menunjukkan bahawa kurikulum SAR berfungsi sebagai medium utama dalam membentuk identiti pelajar berteraskan nilai Islam. Dapatan ini selari dengan Marli (2017) yang menegaskan bahawa institusi pendidikan Islam berperanan dalam membentuk nilai agama dan moral dalam kalangan pelajar melalui integrasi kurikulum formal dan nilai-nilai keislaman.

Penglibatan aktif masyarakat Cina menyokong sekolah juga memainkan peranan penting dalam mengekalkan identiti SC. Budaya menderma dalam kalangan masyarakat Cina didapati membantu memastikan kelangsungan operasi sekolah sebagaimana berikut:

“Dari segi pembinaan fizikal dan insfastruktur sekolah, ada sedikit perbezaan dengan sekolah kebangsaan kerana bangsa orang cina ini sangat mementingkan pendidikan. Mereka menderma kepada sekolah dan anggap pendermaan ini sebagai satu kewajipan. Manakala masyarakat Cina ibaratkan pendermaan kepada sekolah-sekolah Cina sebagai cukai yang kedua. Cukai yang pertama dibayar kepada kerajaan dan ini dianggap sebagai tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia. Dengan kata lain, cukai yang pertama ini kepada negara dan cukai yang kedua ini adalah kepada pendidikan. Oleh sebab tu, you tengok peralatan-peralatan di sekolah Cina ini adalah sempurna. Ibu bapa sanggup menderma untuk membeli peralatan-peralatan sekolah.”
(Informan 3)

Ini menunjukkan bahawa budaya sosial komuniti yang menyokong kurikulum SC mampu memperkukuh identiti sekolah sebagai institusi berasaskan komuniti (Routledge, 2021).

Pengekalan Bahasa Pengantar

Penekanan terhadap penguasaan bahasa Arab dalam kurikulum SAR didapati menyumbang kepada pembentukan identiti keilmuan pelajar. Kurikulum SAR bukan sahaja mengekalkan sudut keagamaan, malah turut membentuk intelektual pelajar melalui penguasaan bahasa ilmu. Penguasaan bahasa Arab penting kerana ia merupakan bahasa utama dalam memahami sumber ilmu Islam sebagaimana yang dinyatakan oleh informan berikut:

“Yang pertama sekali yang menekankan soal dunia dan juga ukhrawi lah. Duniawi pun kita boleh cemerlang dan akhirat pun boleh cemerlang. Yang kedua oleh kerana agama kita ni berdasarkan kepada Bahasa arab, Bahasa arab itu adalah Bahasa orang Islam, kurikulum utama tu juga dia cukup-cukup menekankan Bahasa arab.” (Informan 2)

“Pertamanya, kita ambil tenaga pengajar yang betul2 mahir dan alim dalam bidang ilmu mereka. Contohnya, subjek Bahasa Arab, pastikan dia ada kelulusan yang setaraf. Keduanya, pengajar ni kita berikan latihan mengajar samada di sekolah atau hadir mana-mana program luar untuk beri pendedahan pengajaran dia lah. Ketiganya, kita adakan jaringan hubungan dengan universiti tempatan dan luar negara untuk berkongsi idea tentang ilmu-ilmu Islam turath dan kaedah pengajaran dan pembelajaran.” (Informan 4)

“Jawi dengan basic Bahasa arab. Kita orang menekankan al-Quran. Kita orang menekankan... Hafazan... tilawah dan hafazan. Itu basic. Itu basic nyalah. Maksudnya sekolah rendah. Menengah.” (Informan 5)

Manakala keistimewaan kurikulum SC adalah terletak pada penggunaan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar utama yang menjadi teras kepada pembentukan identiti sekolah. Walaupun kandungan kurikulum adalah selaras dengan kurikulum kebangsaan, perbezaan utama adalah terletak pada medium penyampaian dalam PdP. Selain itu, faktor penguasaan bahasa Mandarin turut menjadi tarikan utama institusi pendidikan Cina dalam membentuk identiti budaya dan ideologi etnik Cina (Yow dan Qu, 2021). Hubungan kompleks antara bahasa dan pembinaan identiti didapati menjadi teras utama dalam sistem pendidikan tersebut. Keupayaan berbahasa Mandarin dapat meningkatkan kebolehpasaran dan peluang kerjaya anak-anak pada masa hadapan sebagaimana berikut:

“Medium di sjkc ini, selain daripada bahasa Malaysia bahasa Inggeris, subjek-subjek yang lain itu termasuk matematik, sejarah, sains, lukisan, musiz semua itu dalam bahasa Mandarin ataupun bahasa Cina. Ini adalah identiti tersendiri. Cuma ini tidak sama dengan sk. Matlamat pendidikan sekolah itu pada dasarnya adalah sama sebab tiap-tiap sekolah pelbagai aliran menggunakan falsafah pendidikan yang sama. untuk inilah sahaja saya sebutkan berkaitan dengan sjkc.” (Informan 3)

“Saya rasa memang sejak belakangan ni memang ada. Contohnya negeri Sarawak mengakui UEC diterima sebagai permohonan untuk menjadi kekitangan kerajaan. Dulu kita rasa hairan kenapa orang yang dapat degree daripada harvard universiti boleh diterima oleh kerajaan tetapi lepasan UEC dihalang oleh kerajaan. Sarawak sudah menerima dan mengiktiraf UEC” (Informan 7)

Penggunaan bahasa Mandarin bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi, tetapi juga sebagai medium pemeliharaan budaya dan etnik masyarakat Cina. Dapatan ini menyokong Yow dan Qu (2021) yang menegaskan bahawa bahasa ibunda dan pendidikan budaya memainkan peranan penting dalam mengekalkan keunikan etnik dalam sistem pendidikan, di mana sekolah-sekolah Cina berfungsi sebagai wahana pemeliharaan warisan budaya. SC didapati tidak mengabaikan identiti kebangsaan dalam pelaksanaan kurikulumnya. Elemen nasional seperti penggunaan Bahasa Malaysia dan penghayatan lagu kebangsaan tetap diberi penekanan dalam kurikulum SC sebagaimana berikut:

“Terdapat ramai Cina yang dengar dan nyanyi lagu Melayu dan sebaliknya ramai orang Melayu yang suka menyanyi lagu Cina. Itulah keistimewaan kita. Ini adalah identiti Malaysia. Ini adalah kebudayaan dunia. Saya berasa Malaysia ini dia tak boleh elak jadi kebudayaan universe ini di mana bukan sahaja dari satu identiti. Identiti yang bercampuran dekat-dekat kebudayaan rojak Malaysia akan menjadi contoh baik kepada negara-negara lain di dunia ini.” (Informan 3)

Pembinaan Karakter

Amalan rutin keagamaan yang diintegrasikan dalam kurikulum menjadi elemen penting dalam mengekalkan identiti SAR. Pelaksanaan aktiviti seperti bacaan al-Quran, zikir dan penggunaan kitab *turath* masih dikekalkan walaupun terdapat penyesuaian dengan keperluan semasa sebagaimana berikut:

“kita cuba bergerak sealaran dgn arus perdana dlm keadaan kita x meninggalkan apa yg kita dah biasa buat terutamanya dr sudut nilai tambah para pelajar...cth; kekal zikir2, mathuratnya, surah harian..jd benda2 tu patut dikekalkan pd masa yg sama tidak ketinggalan dgn arus perdana supaya mereka ada nilai tambah dr segi sahsiah.” (Informan 1)

“Keistimewaan kurikulum utama di Maahad ini dirangka berdasarkan dasar dan strategi pendidikan berteraskan Al Quran dan As Sunnah dalam tujuan menepati dan memenuhi matlamat penubuhan Maahad ini . Pendidikan di Maahad ini dibentuk berdasarkan kepada maratibul ulum (hairaki ilmu) yang menasabah dengan susunan kepentingan hidup manusia itu sendiri di dunia dan akhirat, yang keutamaan diberikan kepada pengajian Fardhu Ain, kemudian diikuti pula pengajaran Fardhu Kifayah dan Ilmu-ilmu Alat yang lain.” (Informan 6)

Manakala kurikulum SC memainkan peranan signifikan dalam pembinaan karakter pelajar melalui pendekatan yang sistematik dan berterusan. Keistimewaan kurikulum SC bukan sahaja terletak pada aspek akademik, tetapi turut merangkumi pembentukan sahsiah, disiplin, dan nilai-nilai murni yang menyeluruh sebagaimana dibawah:

"Sekolah Cina ini amat mementingkan kebudayaan. Di sekolah Cina ini dia banyak emphasis kebudayaan dalam pembelajarannya. Contohnya perayaan Tahun Baru Cina ataupun perayaan lain-lainlah semua ini adalah berkaitan dengan kepunyaan 'zhonghua'. Itulah sebab kenapa orang Cina ni sangat digalakan menghantar anak-anak mereka masuk ke sekolah Cina kerana nak sambungkan kebudayaan Cina." (Informan 3)

“Contohnya budak-budak dari tahun satu, mereka tahu orang Islam pergi sembayang di masjid. Orang Kristian pergi ke gereja. Orang Cina pergi ke tokong untuk sembahyang. Dia tahu di mana Malaysia ni mempunyai agama yang berbeza dan diajar untuk menghormati ketidaksamaan agama. Di sinilah asas dia membina sikap tolak ansur dan saling menghormati di antara satu lain. “ (Informan 7)

Kurikulum SC berfungsi sebagai medium pemeliharaan budaya dan pembentukan identiti, yang secara langsung menyumbang kepada pembangunan karakter pelajar melalui pemahaman dan penghayatan nilai-nilai tradisi. Pembinaan karakter pelajar termasuklah kesungguhan

untuk belajar, amalan nilai-nilai murni, dan rasa malu terhadap perbuatan salah adalah selari dengan pemikiran Konfusius dan disiplin SC (Ho, 2015).

Aspek disiplin telah menjadi tarikan utama SC dalam membentuk karakter pelajar. Ini adalah kerana ibu bapa daripada pelbagai latar belakang etnik memilih SC berdasarkan persepsi terhadap ketegasan disiplin yang diamalkan sebagaimana berikut:

"Satu perkara lagi yang penting mengikut ibu bapa orang Melayu itu mereka kata satu keistimewaan sekolah Cina itu ialah disiplin. Mereka kata anak mereka adalah lebih berdisiplin di sekolah Cina daripada sekolah yang lain ini alasan daripada ibu bapa orang Melayu. Mereka kata sekolah Cina ini sangat-sangat mementingkan disiplin dia tengok cikgu sebagai Mr Power. Itu satu keistimewaan." (Informan 3)

Keterbukaan

Keterbukaan SAR kepada semua lapisan pelajar turut menjadi faktor penting dalam mengekalkan identiti sekolah sebagai institusi pendidikan berasaskan komuniti. SAR menerima pelajar tanpa mengira tahap pencapaian akademik atau latar belakang pendidikan sebagaimana berikut:

"Bila sebut kelebihan, 1) SAR sebenarnya menawarkan pendidikan agama kpd semua rakyat dgn harga yuran yg sangat murah. Kita sedaya upaya menawarkan ilmu agama seramai mungkin. Tiada kuota. So kami tawar kpd semua walaupun gred DEF, atau tidak boleh mengaji. Inilah atwaran yg dibuat oleh SAR. Masih terbuka. Berbeza mengikut sekolah. Tiada had umur. Syaratnya pelajar nak mengaji, xboleh baca Quran pon xde masalah." (Informan 1)

"Silibus Bahasa arab kerajaan semua. Mudah je. Jadi, silibus kerajaan selalunya kami buat untuk pelajar lemah. Macam Bahasa arab. Dia punya basic sahaja kan. Memang kita orang kurikulum... kurikulum kerajaan memang untuk pelajar lemah. Agamalah. Itu maksudnya." (Informan 5)

Pendekatan inklusif ini memperlihatkan bahawa kurikulum SAR berfungsi sebagai medium pendidikan dalam mengekalkan peranannya sebagai institusi pendidikan agama yang terbuka kepada masyarakat. Dapatan ini selari dengan perkembangan semasa dalam pendidikan Islam yang menekankan prinsip keterangkuman, akses saksama kepada pendidikan, dan peluang pembelajaran untuk semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang akademik pelajar. Kajian Nurdin et al. (2024) menunjukkan bahawa institusi pendidikan Islam yang mengamalkan pendekatan inklusif lebih berupaya memenuhi keperluan pelajar yang pelbagai serta memperkukuh fungsi sosial pendidikan agama dalam komuniti.

SC juga mengamalkan keterbukaan dalam menerima kemasukan pelajar dari pelbagai kaum. Keterbukaan ini bukan sahaja dilihat dari segi kemasukan pelajar bukan Cina, tetapi juga dari aspek penerimaan budaya, bahasa, dan pendekatan pembelajaran yang inklusif. Fenomena peningkatan kemasukan pelajar bukan Cina ke SC telah lama diperhatikan dalam konteks pendidikan di Malaysia (Tan et al., 2017) dan menjadi indikator kepada kepercayaan masyarakat terhadap kualiti sistem pendidikan SC.

Justeru, SC bukan lagi dilihat sebagai institusi pendidikan yang eksklusif kepada masyarakat Cina, sebaliknya berfungsi sebagai ruang interaksi sosial yang merentas sempadan etnik. Tren peningkatan kemasukan pelajar bukan Cina di SC menunjukkan bahawa semakin ramai ibu bapa daripada pelbagai kaum melihat SC sebagai alternatif pendidikan yang berkualiti dan mampu menyediakan peluang pembelajaran bahasa serta kemahiran antara budaya yang lebih luas (The Star, 2024). Di samping itu, pendedahan awal kepada kepelbagaian budaya dan agama turut menyumbang kepada pembentukan sikap toleransi dan penghormatan antara kaum. Ini disokong oleh kajian Wong dan Wang (2023) yang menyatakan keterbukaan terhadap penyertaan pelajar bukan Cina telah menjadikan SC sebagai institusi pendidikan yang semakin bersifat inklusif dan relevan dalam konteks masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

Pensijilan Lanjutan

Keistimewaan kurikulum SAR dan SC bukan sahaja terletak pada pemeliharaan agama dan budaya, malah turut menyediakan laluan pendidikan yang membolehkan pelajar melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Bagi SAR, kurikulum yang dilaksanakan berjaya mengintegrasikan pendidikan agama dengan pensijilan akademik yang diiktiraf. Pelajar SAR bukan sahaja menduduki peperiksaan agama seperti Sijil Menengah Uagama (SMU) dan STAM, malah turut mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Keadaan ini memberikan peluang yang lebih luas kepada pelajar untuk melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan dan luar negara sebagaimana yang dinyatakan dibawah:

“Mostly pelajar SAR boleh lanjut ke Mesir. Kita di Kedah tiada sekatan untuk hantar pelajar kita ke Azhar... diwajibkan ada STAM untuk pergi Azhar. Dan wajib menduduki SPM baru boleh ambil STAM. So waktu itulah SAR di Kedah ni bermula ambil SPM. “
(Informan 1)

“STAM pun kita ada, SMU kita ada, SPM pun kita ada. Maknanya kita dua-dua dah kita dapat. “
(Informan 4)

SAR telah menyesuaikan kurikulumnya dengan keperluan semasa tanpa mengabaikan identiti pendidikan Islam yang menjadi asas penubuhannya. Penggabungan pensijilan agama dan akademik membolehkan pelajar memperoleh kelayakan yang memenuhi syarat kemasukan ke pelbagai IPT. STAM merupakan pensijilan yang diiktiraf setaraf dengan sijil Ma'ahad Al-Bu'uth Al-Islamiyyat Al-Azhar Al-Syarif, Mesir dan membolehkan pemegang sijil melanjutkan pelajaran ke Universiti Al-Azhar serta IPT tempatan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2022). Bidang pengajian Islam semakin berkembang dengan pelbagai laluan akademik dan profesional yang memerlukan gabungan kompetensi agama dan akademik (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2025). Perkembangan ini selari dengan transformasi pengajian Islam di IPT yang menggabungkan warisan ilmu (*turath*) dengan inovasi teknologi serta memperluaskan peluang pendidikan tinggi kepada pelajar daripada pelbagai aliran pendidikan (Bernama, 2025).

Keistimewaan kurikulum SC pula terletak pada penawaran laluan pensijilan yang pelbagai melalui kombinasi peperiksaan UEC dan SPM. Majoriti pelajar SC mengambil kedua-dua peperiksaan tersebut secara serentak, sekali gus membolehkan mereka memenuhi keperluan kemasukan ke IPT yang berbeza sebagaimana yang dinyatakan dibawah:

“Selalunya SMPC mesti ada kurikulum SPM. Mengikut maklumat kita, 72% daripada pelajar SMPC ini mengambil kurikulum SPM.”
(Informan 7)

“Last sekali yang sijil peperiksaan UEC sekolah-sekolah menengah persendirian Cina adalah sama taraf dengan STPM dan sijil A level.”
(Informan 7)

Keadaan ini menunjukkan bahawa sistem pendidikan SC menyediakan pelajar dengan asas akademik yang kukuh untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Tambahan pula, UEC merupakan kelayakan yang diterima oleh banyak institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) sebagai syarat kemasukan ke program pengajian tinggi. Perkembangan terkini turut menunjukkan bahawa kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah meluluskan laluan kemasukan alternatif bagi pelajar lulusan UEC ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) untuk program-program terpilih tertakluk kepada syarat lulus Bahasa Melayu dan Sejarah di peringkat SPM (Malay Mail, 2026).

Kesimpulan

Kajian ini menegaskan bahawa keistimewaan kurikulum Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Cina (SC) memainkan peranan penting dalam mengekalkan identiti utama sekolah masing-masing. SAR menonjol melalui penekanan terhadap pembentukan sahsiah berteraskan nilai Islam, penguasaan bahasa Arab, serta keterbukaan menerima pelajar daripada pelbagai latar belakang. SC pula mengekalkan budaya melalui penggunaan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar, sokongan komuniti yang kukuh, serta disiplin yang tinggi dalam membentuk karakter pelajar.

Walaupun berbeza dari segi agama dan etnik, kedua-dua institusi ini berkongsi matlamat yang sama iaitu melahirkan generasi berilmu, berakhlak, dan berdaya saing dalam konteks global. Kurikulum SAR dan SC bukan sahaja memperkayakan modal budaya negara, malah membuktikan bahawa institusi berasaskan identiti mampu wujud bersama dalam sistem pendidikan kebangsaan yang kohesif. Lantas, kelangsungan SAR dan SC harus terus diperkukuh sebagai sebahagian daripada ekosistem pendidikan Malaysia yang majmuk dan inklusif.

Secara keseluruhannya, kajian ini membawa sumbangan baharu dengan meneliti keistimewaan kurikulum SAR dan SC secara perbandingan dalam satu kerangka pendidikan Malaysia. Berbeza dengan kajian terdahulu yang lazimnya menumpukan kepada satu aliran sahaja, kajian ini menonjolkan bagaimana kedua-dua institusi berasaskan identiti agama dan etnik dapat wujud bersama dalam sistem pendidikan kebangsaan yang majmuk. Kajian ini memperkayakan modal budaya negara dan membuktikan bahawa institusi berasaskan identiti boleh wujud bersama dalam sistem pendidikan kebangsaan yang kohesif. Justeru, kelainan kajian ini terletak pada gabungan analisis perbandingan, dimensi inklusiviti, dan penekanan terhadap hubungan unik antara pendidikan, identiti, dan komuniti dalam membentuk ekosistem pendidikan Malaysia yang lebih kohesif.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Tunku Abdul Rahman atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini menerima sokongan kewangan daripada [UTAR Research Fund (UTARRF)] di bawah Nombor Geran [IPSR/RMC/UTARRF/2023-C1/M02].
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Modern Education (IJMOE).
Pernyataan Etika:	Kajian ini telah dijalankan selaras dengan piawaian etika penyelidikan. Semua prosedur yang melibatkan responden manusia telah disemak dan diluluskan oleh [Jawatankuasa Semakan Saintifik dan Etika UTAR], dengan nombor kelulusan [U/SERC/56(A)-454/2024]. Persetujuan bermaklumat telah diperoleh daripada semua responden sebelum pengumpulan data dijalankan. Penyertaan adalah secara sukarela, dan responden telah dijamin kerahsiaan serta anonimitas. Data yang dikumpulkan digunakan semata-mata bagi tujuan akademik.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap penyusunan manuskrip ini. [Nik Norazira Abdul Aziz] bertanggungjawab mengendalikan analisis dan tafsiran dapatan kajian. [Nor Azlili Hassan] mengendalikan pengumpulan data dan penyeliaan keseluruhan kajian. [Mohd Syuja Saedin] bertanggungjawab terhadap pengkonsepkan, metodologi dan semakan kritikan manuskrip. [Norazilah Buhari] menyumbang kepada sorotan literatur dan penyediaan draf. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

Rujukan

- Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi & Fathiyah Burhanudin. (2021). Pelaksanaan sistem pengajian pondok di Madrasah Al-Hidayah Hukmiyah, Kedah. *Jurnal Perspektif*, 13(1), 14-25.
- Allan Collins. (2011). Ahli pendidikan Cina di Malaysia: pejuang jati diri Masyarakat Cina. *Jurnal Terjemahan Alam dan Tamadun Melayu*, 2(2), 17-39.
- Azizi Umar & Supyan Hussin. (2015). Peranan negeri dalam memperkukuhkan system madrasah di Malaysia: Kajian ke atas pelaksanaan Sekolah Agama Rakyat (SAR) sebagai Sekolah Agaman Bantuan Kerajaan (SABK). *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4 (1), 21-30.
- Bernama. (2025, November 13). Konvensyen Pengajian Islam IPT 2025 catat sejarah, rekod kehadiran lebih 4,000 peserta. <https://bernama.com/bm/news.php/?id=2490491>
- Chin Tek Yoong & Nur Atiqah Abdullah. (2023). Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) dan Sijil Peperiksaan Bersama (UEC): Pertikaian dan Perbahasan. *Malaysian Journal of Social and Humanities*. 8(1), 1-20.
- Chin Tek Yoong & Nur Atiqah Tang Abdullah. (2023). Pendidikan bahasa ibunda Cina di Malaysia: Suatu Sorotan Literatur. *Malaysian Journal of Social and Humanities*. 8 (2), 1-14.
- Dong Zong. (2019). Nilai dan Pencapaian Sijil Peperiksaan Bersama (UEC). Selangor: United Chinese School Committees' Association of Malaysia.
- Faridah Salleh, Aisha Mat Dan, Rabi'atul Aribah Muhammad Isa, Syed Lamsah Syed Chear & Latipah Mohd Noor. (2023). Aspirasi Masyarakat Terhadap Sekolah Agama dan Sekolah Jenis Kebangsaan. *Jurnal Sains Insani*, 8(2), 275–285.
- Friday, N & Leah, N. (2024). Types of purposive sampling techniques with their examples and application in qualitative research studies. *British Journal of Multidisciplinary and Advanced Studies: English Language, Teaching, Literature, Linguistics & Communication*, 5(1), 90-99.
- Ho, N. Y. (2015). *Characteristics of Malaysian Chinese primary schools and their influence on character building*. [Unpublished Doctoral Dissertation]. Asie e University.
- Ismail Omar et al. (2002). Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM): Latar belakang dan pelaksanaannya. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam*, 60-65.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2021). Bahagian Pendidikan. Pengurusan Hal Ehwal Sekolah Agama.
- Kamarulzaman A, G. (2020). Pengajaran Mata Pelajaran Agama Berasaskan Bahasa Arab dalam Kurikulum Bersepadu Dini. Seminar Kebangsaan Penyelidikan Pendidikan Dini dan Tahfiz 2020.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2022). Laporan analisis keputusan peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) tahun 2021. Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia. https://www.moe.gov.my/storage/files/shares/laporan_dan_statistik/lp/Laporan%20Analisis%20Keputusan%20STAM%202021.pdf.
- Kementerian Pendidikan Tinggi. (2025). Kajian impak dan hala tuju program akademik bidang Pengajian Islam 2021-2025. Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi.
- Khairi Ariffin, Mohd Kamal Kamarudin & Adnan Jusoh. (2014). Perbandingan Pendidikan Cina dan Pendidikan India Era British di Tanah Melayu. *Jurnal Perspektif*, 6(3), 29-38.
- Khoo, G. S., & Arfa, Y. (2026, Februari 6). Having pupils of different races in vernacular schools strengthens national unity, says Fadhlina. *The Star*.

- <https://www.thestar.com.my/news/nation/2026/02/06/having-pupils-of-different-races-in-vernacular-schools-strengthens-national-unity-says-fadhlin>
- Malay Mail. (2026, May 15). Anthony Loke labels backlash against UEC public university access an attempt to politicise education. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2026/05/15/anthony-loke-labels-backlash-against-uec-public-university-access-an-attempt-to-politicise-education/220041>
- Marli Zainal Anshari. (2017). Transformasi paradigma manajemen keilmuan sekolah dasar menuju pendidikan dasar Islam. *Fikrotuna: Jurnal Pendidikan dan Manajemen Islam*, 6(2), 552-569.
- Mohd Hairudin Amin, & Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Sekolah Agama di Malaysia: Sejarah, Isu dan Cabaran*. UTM: Penerbit UTM Press.
- Mohd Nor, M. (2020). Sekolah Agama Rakyat: Peranan dan Cabaran dalam Pendidikan Islam di Malaysia. *Journal of Islamic Education*, 9(1), 45-58.
- Nor Azlili Hassan, Mohd Syuja Saedin, Norazilah Buhari & Nik Norazira Abdul Aziz. (2025). Matlamat Pendidikan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Kelantan dan Kedah dalam Mengekalkan Identiti Kurikulum Utama. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 50(1), 68-77.
- Norazilah Buhari, Nor Azlili Hassan, Mohd Syuja Saedin & Nik Norazira Abdul Aziz. (2026). Strategi Peningkatan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Sekolah Agama Rakyat dalam Mengekalkan Identiti Kurikulum Utama: Kajian di Kedah dan Kelantan. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) Universiti Malaysia Sabah*, 37(1), 121-135.
- Nurdin Arbain, Hendra, Khozin, Haris Abdul., Zainab Nurul, & Yahaya Mohd. Zaini. (2024). Developing the Islamic Religious Education curriculum in inclusive schools or madrasah and its implementation: A systematic literature review. *Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 21(1).
- Routledge. (2021). *The cultural legacies of Chinese schools in Singapore and Malaysia*. Routledge.
- Sakinatul Raadiyah Abdullah, Izatul Akmar Ismail, Nik Liyana Mustapa, Mohd Badrul Hakimi Daud & Mohd Zaidulhair Elias. (2025). Ulasan Literatur Hubungan Antara Sokongan Zakat Pendidikan Terhadap Motivasi dan Pencapaian Akademik Pelajar. *Global Journal Al-Thaqafah*, 318-336.
- See, H. P. (2013). The teaching of Chinese language in Malaysian Chinese Primary Schools: subtle changes in content and objectives. *Malaysian Journal of Chinese Studies*, Vol. 2, No. 2, 2013, 29-43.
- Tan, Y. L., Ngu, I. K., & Chew, F. P. (2017). Fenomena Pertambahan Murid Bukan Cina di SKM JKC di Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan. *Journal of Chinese Literature and Culture*, 5(1), 79-100.
- Tan, Y. S. (2014). *Pendidikan Cina di Malaysia: Sejarah, politik dan gerakan perjuangan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- The Star. (2024, July 11). More Eyeing Chinese Schools. https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/07/11/more-eyeing-chinese-schools?utm_source=chatgpt.com.
- Wong, S. B. (2025). Improving multilingual education in Malaysia: tailoring language teaching for SJKC schools. *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS) Vol. IX*, Issue IV, 2025, 679-694.
- Wong, S. H., & Wang, R. (2023). Chinese elementary education in Malaysia: Development through adaptation and change. *Malaysian Journal of Chinese Studies*, 12(2), 73-94.

- Wong, Y. M. & Lee, C. H. (2020). Mandarin as a marker of ethnic identity in Malaysian Chinese education. *Journal of Multilingual and Multicultural Development*, 41(5), 456-470.
- Yow, C. H., & Qu, J. (Eds.). (2021). *The cultural legacies of Chinese schools in Singapore and Malaysia*. Routledge.